

08 JUL 1996
Anwar-S46
SAYA TAK BIMBANG, KATA ANWAR

Oleh: Wan A Hulaimi

DUBLIN, 8 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau tidak bimbang yang kemasukan semula anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) ke dalam Umno akan menjejaskan kedudukannya dalam parti.

Ada orang yang berkata kemasukan Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah dan anggota parti itu ke dalam Umno "akan menjadi masalah kepada Anwar," kata beliau dalam jawapannya kepada satu soalan pada pertemuannya dengan penuntut Malaysia di sini.

"Jawatan sesiapa di dalam kerajaan adalah dengan budi bicara Perdana Menteri dan jawatan di dalam parti pula ditentukan oleh perwakilan," katanya sebagai menjawab soalan sama ada Tengku Razaleigh, yang juga bekas Menteri Kewangan patut diberi jawatan di dalam parti dan Kabinet.

Sambil tersenyum, Anwar berkata kepada lebih kurang 100 orang penuntut Malaysia yang berkumpul di sebuah hotel ternama di sini: "Saya tak bimbang, terima kasih."

Beliau berkata sebelum itu bahawa memang dari awal lagi S46 merupakan parti serpihan kecil dan telah menjadi serpihan lebih kecil lagi selepas pilihan raya yang lepas.

Walaupun demikian Anwar berkata bahawa Umno tidak seharusnya sombong dan kemasukan S46 mesti disambut baik.

Malah bukan sahaja S46 tetapi PAS dan sesiapa sahaja orang Melayu perlu masuk ke dalam Umno untuk perpaduan orang Melayu, kata beliau.

"Tetapi apa yang kita tak suka ialah syarat-syarat. Apa perlu syarat-syarat, soalnya ialah kita terima semua masuk," katanya.

Sebelum terbang ke sini semalam, sebagai reaksinya kepada kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Anwar telah melahirkan perasaan terharunya dan berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana kepercayaan yang diberikan kepadanya untuk meneruskan kepimpinannya.

Sabtu lepas Dr Mahathir selaku Presiden Umno menyatakan bahawa penerimaan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno bukan untuk mengimbangi pengaruh Anwar.

Dalam amanatnya kepada penuntut Malaysia di sini, Anwar juga telah menegaskan sekali lagi mesejnya kepada penuntut Malaysia yang berada di mana sahaja supaya berusaha bukan hanya setakat mendapatkan ijazah tetapi mestilah menuju ke arah kecemerlangan.

"Menuju ke arah kecemerlangan bukan hanya satu usaha pengurusan tetapi dalam konteks kita ia juga satu imperatif moral dan sosial -- maksudnya kita mesti berusaha menuju ke arah kejayaan dalam semua bidang usaha manusia," katanya.

Semasa menjawab soalan seorang penuntut yang ingin tahu kenapa bahagian Bumiputera hanya dihadkan kepada 30 peratus dalam kegiatan ekonomi di Malaysia dan tidak dinaikkan sehingga 60 peratus, Anwar berkata bahawa sebelum diadakan kuota itu, bahagian Bumiputera hanya 0.1 peratus daripada RM1 bilion, sedangkan sekarang bahagian Bumiputera ialah 30 peratus daripada RM100 bilion.

"Kalau dulu orang tidak sangka orang Melayu boleh bersama orang Cina dalam perniagaan melainkan dalam perkongsian 'Ali Baba' sahaja, sekarang orang Melayu dapat bersama orang Cina dalam perkongsian yang aktif," katanya.

Sebelum bertemu dengan penuntut di sini, Anwar dan isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail telah menghadiri suatu pertemuan di Royal College of

Surgeon, sebuah kolej perubatan di sini. Di kolej itu Datin Seri masih diingati sebagai satu-satunya penuntut Malaysia yang telah mendapat pingat emas dalam bidang obstetrik dan sakit puan.

Lawatan rasmi Anwar di sini akan berakhir dengan pertemuan dengan Perdana Menteri Ireland John Bruton pada hari ini dan dengan wakil-wakil daripada dunia perniagaan dan kewangan di sini. -- BERNAMA

WAH NMO